

**KENYATAAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
MESYUARAT MAJLIS PENUH  
30 OGOS 2012**

**1. DASAR PELEKAT MELETAK KERETA PERCUMA UNTUK ORANG KURANG UPAYA (OKU)**

Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Majlis Penuh (Kali Ke-457) pada 31 Julai 2012 telah meluluskan cadangan mengemaskini dasar pelekat meletak kereta percuma untuk Orang Kurang Upaya (OKU) seperti di bawah :

- i. Kemudahan pelekat kereta OKU percuma ini diperluaskan kepada OKU seluruh Negeri Pulau Pinang.
- ii. Jika pelekat percuma ini hilang, bayaran sebanyak RM30.00 akan dikenakan terhadap pemohon yang ingin mendapatkan pelekat ganti yang baru. Sehubungan itu, syarat sebelumnya di mana pemohon diminta mengemukakan salinan *report polis* adalah dibatalkan.
- iii. Definisi penjaga diperluaskan asalkan penjaga tersebut dapat menunjukkan bukti bahawa beliau menjaga dan tinggal dengan OKU dengan syarat alamat penjaga hendaklah sama dengan alamat OKU.

Dengan Klaus tambahan iaitu :

- i. Direktorat Penguatkuasaan tidak akan mengenakan kompaun kepada kenderaan yang mempunyai pelekat Tempat Letak Kereta percuma OKU yang dikeluarkan oleh MPPP yang diletakkan di Tempat Letak Kereta OKU di kawasan MPSP.

**2. PERLANJUTAN WAKTU PERKHIDMATAN KAUNTER BAYARAN MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

Dimaklumkan perkhidmatan kaunter bayaran Majlis Perbandaran Seberang Perai akan dilanjutkan waktu perkhidmatannya hingga jam 8.30 malam pada 30 Ogos 2012 (Khamis) untuk memberi kemudahan kepada seluruh penduduk Seberang Perai membuat sebarang urusan bayaran sebelum berakhir bulan bayaran cukai taksiran.

**3. SELAMAT MENYAMBUT HARI KEMERDEKAAN**

Dimaklumkan bahawa pada 31 Ogos 2012 (Jumaat) adalah Hari Kemerdekaan dan merupakan Hari Kelepasan Am.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan yang ke-55 kepada semua warga Seberang Perai. Jadi sama – samalah kita menjaga dan menghargai keamanan, keharmonian dan yang paling penting kebebasan yang kita kecapi sekarang.

#### **4. NOTIS E CUKAI TAKSIRAN UNTUK PENGGAL KEDUA 2012**

Di sini, saya memaklumkan bahawa pada 1 September 2012, Notis E sebanyak RM10.00 akan dikenakan ke atas pembayar cukai yang masih gagal menjelaskan cukai taksiran dalam tempoh yang telah ditetapkan. Pemilik harta diminta menjelaskan tunggakan dalam tempoh lima belas (15) hari bagi mengelakkan harta dari disita.

#### **5. JAMUAN RAYA MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

Sukacita dimaklumkan, MPSP akan mengadakan Jamuan Raya Majlis Perbandaran Seberang Perai pada 12 September 2012 (Rabu) bermula jam 2.00 – 5.00 petang. Justeru, saya dengan berbesar hati ingin menjemput semua yang berada di dalam Dewan Kenanga ini untuk sama-sama hadir dan memeriahkan majlis tersebut.

#### **6. PELANCARAN PROJEK PERINTIS BUDGET RESPONSIVE GENDER (BRG) PPR AMPANGAN**

Sukacita dimaklumkan, Majlis Perbandaran Seberang Perai dengan kerjasama Penang Women's Development Corporation (PWDC) dan AJK LA 21 PPR Ampangan akan mengadakan Pelancaran Projek Perintis Budget Responsive Gender (BRG) PPR Ampangan pada 9 September 2012 (Ahad) jam 3.00 petang, bertempat di Dewan Orang Ramai PPR Ampangan, Permatang Pauh, SPT.

#### **7. SENAMROBIK BERSAMA MPSP DI TAMAN TUNKU SEBERANG JAYA**

Sukacita di sini, saya ingin memaklumkan bahawa program Senamrobik Bersama MPSP akan diadakan pada 9 September 2012 (Ahad) bertempat di Taman Tunku, Seberang Jaya, jam 7:30 pagi. Justeru, saya menjemput semua yang berada di sini dan juga seluruh Warga Seberang Perai untuk turut bersama-sama MPSP, menjaga kesihatan disamping mengeratkan lagi hubungan antara MPSP dan orang ramai. Sebagai makluman, MPSP juga turut menyediakan Kaunter Bayaran Bergerak, Pemeriksaan Kesihatan percuma dan edaran risalah-risalah perkhidmatan MPSP untuk pengetahuan orang ramai.

## **8. SELAMAT MENYAMBUT HARI MALAYSIA**

Dimaklumkan juga bahawa pada 16 September 2012 (Ahad) merupakan Hari Malaysia bagi memperingati pembentukan Malaysia pada 16 September 1963.

Justeru, 17 September 2012 (Isnin) yang berikutnya merupakan Gantian Hari Kelepasan Am.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**